

Karnival Hari Belia KKTM UMS meriah

UB 6.4.2019 B3

EXCO Keselamatan bersama Exco Sukan dan Rekreasi dan Exco Kebajikan Jawatankuasa Kebajikan Mahasiswa (Jakmas) Kolej Kediaman Tun Mustapha (KKTM) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan

kerjasama Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) telah menganjurkan Karnival Hari Belia UMS di Padang Kawad UMS Kota Kinabalu, baru-baru ini.

Pengarah Karnival Hari Belia UMS Mohd Zuhairy

Mohd Zaidy berkata, program itu bertujuan untuk memberi input kepada para pelajar mengenai aspek-aspek keselamatan dan kesihatan semasa serta memperkasa mental dan fizikal bagi melahirkan suasana proaktif

kepada pelajar-pelajar UMS. Majlis perasmianya disempurnakan Timbalan Pengetua KKTM Dr. Badariah Saibeh.

Dr. Badariah berkata, belia merupakan warga yang membentuk dan menjadi

penerus masa depan.

“Kalau bukan belia sendiri yang tidak memainkan peranan dalam menjaga kesejahteraan, jadi siapa lagi yang diharapkan untuk menjadi penerus generasi,” ujarnya.

Sementara itu, Presiden MPP UMS Mohd Jivean Johan Wira Ahmad berkata, residen KKTM merupakan sebahagian daripada golongan belia yang sangat penting dalam membentuk keharmonian.

“Saya rasa bangga kerana masih ada lagi golongan belia yang sayangkan warga sejagat dengan meneruskan

legasi kemakmuran melalui penganjuran program berkaitan belia. Tahniah kepada KKTM kerana berjaya menganjurkan program ini,” tambahnya.

Kira-kira 41 pasukan serta 50 individu yang terdiri daripada pelajar dan orang awam menyertai pertandingan yang diadakan dalam program ini.

Pelbagai acara telah diadakan sempena Karnival Hari Belia UMS antaranya e-

sports, bola sepak 9 sebelah, *muscle mania*, pertandingan larian 4x100m, kempen derma darah dan Forum Keselamatan.

Selain itu, karaoke terbuka, *busking* dan pelbagai ge-
rai jualan turut dianjurkan.



RESIDEN KKTM merakamkan gambar kenangan bersama.

DR. BADARIAH ketika merasmikan program Karnival Hari Belia.

